


Berita baik bagi kakitangan UKMS yang akan berpindah ke UMS

Perpindahan tak jejas gaji, elaun



Prof. Abu Hassan

Oleh YATIM TAUBATAL ANDAM

KOTA KINABALU, Khamis - Semua bekas kakitangan Universiti Kebangsaan Malaysia, Kampus Sabah (UKMS) akan menikmati kemudahan gaji dan elaun yang sama apabila mereka dipindahkan ke Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Abu Hassan Othman berkata, ini kerana ia hanya membabitkan perpindahan tempat kerja dan bukannya pertukaran tugas.

Katanya, kedudukan kakitangan terbabit juga tidak terjejas atau dianggap sebagai pekerja baru kerana kebanyakan bekas kakitangan UKMS itu telah berkhidmat kira-kira 10 tahun di situ.

"Dalam proses pemindahan ini, mereka bukan pekerja baru UMS tetapi yang sudah berkhidmat dengan universiti dan mereka tidak akan kehilangan sebarang ganjaran yang sepatutnya mereka terima," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis makan tengahari di bangunan Yayasan Sabah, di sini, hari ini.

Pada majlis itu juga Prof Abu Hassan turut menyampaikan ucapannya mengenai 'Universiti Malaysia Sabah: Wawasan dan Cabaran ke Abad 21'.

Sebelum itu, pada bulan lalu penyerapan sebahagian kecil kakitangan UKMS ke UMS selesai sepenuhnya pada akhir bulan lalu, apabila Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) dan Fakulti Sains Pembangunan (FSA) berpindah sepenuhnya ke kampus induk di Bangi, Selangor.

Sejak UMS memulakan sesi pengambilan

pelajar pertamanya pada tahun lalu, sebahagian kecil kakitangan akademik dan sokongan pentadbiran UKMS diserapkan ke UMS.

Apabila proses perpindahan UKMS ke kampus induk dilakukan sejak Januari tahun lalu, pelbagai pihak termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam, UKM dan wakil UMS telah mengadakan beberapa siri perbincangan bagi menentukan kedudukan kakitangan terbabit.

Terdahulu daripada itu, UKM telah mengemukakan dua pilihan kepada kakitangannya yang berasal dari negeri ini sama ada meneruskan khidmat mereka dengan UKM di Bangi, Selangor atau menunggu diserapkan ke UMS.

Penubuhan UMS yang diumumkan ketika pilihanraya 1995, menjadi kenyataan pada dua tahun lalu apabila kerajaan Barisan Nasional (BN) mengambil alih tampuk pemerintahan negeri.

Selepas permulaan sesi pengajian 1995/96 tahun lalu, UMS mencatat sejarah pertamanya apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, melakukan upacara pecah tanah pembinaan kampus induknya di atas tanah berkeluasan 900 hektar di Teluk Likas.

Hari ini, pada ucapannya sempena makan tengahari di Yayasan Sabah, Prof Abu Hassan berkata UMS turut memperkenalkan pengajian izajah berkembar dengan universiti di Amerika Syarikat dan United Kingdom.

Menurutnya, ia bagi memenuhi tenaga kerja profesional dalam pelbagai bidang sains dan teknologi yang diperlukan untuk merealisasikan wawasan negara maju pada tahun 2020.